

TASK FORCE PROPOSED TO MANAGE AFFORDABLE HOUSING

Syor pasukan khas tangani isu rumah mampu milik

• Berfungsi sebagai pusat sehenti pantau keperluan perumahan golongan berpendapatan menengah

Oleh Shahrizan Saliyan
shahrizan_saliyan@bh.com.my

Persatuan Pembeli Rumah (HBA) mencadangkan penubuhan Pasukan Petugas Khas Rumah Mampu Milik yang berfungsi sebagai pusat sehenti bagi memantau keperluan perumahan mampu milik dalam kalangan golongan berpendapatan menengah di negara ini.

Setiausaha Agungnya, Chang Kim Loong (**gambar**), berkata penubuhan pasukan petugas khas seumpama itu perlu berikan semakin ramai kumpulan berpendapatan

menengah berhadapan kesukaran membeli rumah, termasuk kategori rumah mampu milik akibat kenaikan kos sara hidup.

Perluas RTO

Disebabkan masalah sedemikian, katanya, Skim Sewa Beli (RTO) kini sewajarnya menjadi sebahagian daripada program perumahan sosial dan skim berkenaan perlu diperluaskan kepada kategori rumah mampu milik.

"Kenaikan kos sara hidup menyebabkan kumpulan pembeli rumah berpendapatan menengah kini semakin sukar menyediakan wang pendahuluan 10 peratus dan membayar pinjaman bulanan rumah ber-

dasarkan pendapatan semasa.

"Kenaikan harga rumah semakin menyukarkan lagi keadaan dan tanpa Skim RTO, mereka terpaksa menyewa. Terdapat ketidakpadanan jelas antara harga rumah berbanding pendapatan isi rumah."

"Justeru, apa diperlukan adalah pembangunan rumah mampu milik yang holistik dan mapan, termasuk Skim RTO yang memerlukan kerjasama semua pihak berkepentingan," katanya semasa menjadi panel pada Dialog Pembangunan Mampan Perumahan Mampu Milik anjuran Cagamas Holdings Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

→ Lihat Ms.B2

Fakta nombor

Rumah mampu milik HBA

RM150,000 HARGA
sehingga RM300,000
(RM350,000 di kawasan perdana)

800 KAKI PERSEGI
keluasan minimum
(tidak termasuk balkoni)



CAGAMAS
Sedia jaminan bantu
beli rumah pertama Ms.B2

